



Headline: 697 individu ditipu scammer di Kelantan
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 28 November 2021

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 18

697 individu ditipu scammer di Kelantan

Kota Bharu: Kurangnya kesedaran menyebabkan masih ramai individu menjadi mangsa penipuan membatalkan scammer dan pelbagai pelaburan sepanjang tahun ini.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Shafien Mamat berkata, penipuan membatalkan jenayah komersial di negeri ini dari Januari hingga Oktober tahun ini membatalkan 697 mangsa dengan nilai kerugian RM12.75 juta.

Beliau berkata, jumlah kes komersial sepanjang tahun lalu adalah 866 kes dengan kerugian RM18.97 juta.

Menurutnya, bagi tahun ini, mangsa paling ramai membatalkan penipuan e-dagang iaitu 282 orang dengan jumlah kerugian RM1.538 juta, pinjaman tidak wujud membatalkan 100



SHAFIEN

mangsa dengan kerugian RM1.03 juta, tipu pelaburan dalam talian seramai 62 orang dan kerugian RM1.07 juta serta Macau Scam membatalkan 53 mangsa dan ju-

mlah kerugian RM1.86 juta.

"Kakitangan swasta paling ramai menjadi mangsa iaitu 359 orang, diikuti kakitangan kerajaan 135 mangsa, lain-lain (100 orang), pelajar (93 orang) dan golongan profesional (10 orang).

"Mangsa membatalkan pelbagai peringkat umur di antara 20 hingga 60-an dan mangsa paling ramai adalah berusia 20 hingga 30 tahun iaitu seramai 316 orang kerana golongan ini banyak menggunakan teknologi canggih atau gajet.

"Misalnya penipuan Macau Scam, mangsa terpedaya menyerahkan wang selepas diminta scammer yang mendakwa mereka mempunyai hutang dengan Bank Negara atau Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)

dan keadaan ini menyebabkan mangsa mudah panik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Kempen Pencegahan Jenayah Komersial (Jenayah Dalam Talian) di pusat beli-belah di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Kelantan, Superintendan Ahmad Azizul Mohamed serta Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Asisten Komisioner Mit Emong.

Shafien berkata, penipuan *Love Scam* membatalkan ramai mangsa wanita berusia antara 20 hingga 30-an yang terpedaya dengan janji manis kononnya mereka akan diberi kemewahan oleh individu tidak dikenali.